

04 MAR 2001

SMET-Pertahanan (Laporan Khas)

PENUTUPAN KILANG SENJATA SMET DEDAH KELEMAHAN INDUSTRI PERTAHANAN

Oleh: Haikal Mohd Isa

SUNGAI BULOH, 4 Mac (Bergambar) -- Penutupan kilang SME Technologies (SMET) pada minggu lepas bukan sahaja telah mengakibatkan lebih 200 orang dibuang kerja tetapi ia juga mendedahkan kelemahan industri pertahanan negara.

Penutupan satu-satunya kilang yang mengeluarkan raifal tempur di negara ini serta peralatan pertahanan yang lain amat memeranjatkan kerana ia berlaku pada ketika Malaysia sedang berusaha untuk berdikari di dalam industri pertahanan.

SMET adalah syarikat yang bertanggungjawab membekalkan 106,000 raifal tempur Steyr AUG 5.56mm kepada Angkatan Tentera Malaysia (ATM).

Menteri Pertahanan Datuk Seri Najib Tun Razak minggu lepas berkata SMET perlu beroperasi berdasarkan keuntungan tetapi jika kontrak semasanya sudah tamat dan tiada perniagaan baru, maka adalah susah untuk mengekalkan pekerjaanya.

"Kita nak tengok daya maju kilang itu," katanya dan menurutnya bahawa beliau sendiri akan mengambil inisiatif untuk berjumpa dengan kesatuan pekerja kilang itu serta wakil pengurusannya.

Bagaimanapun, sehingga kini tiada perjumpaan seperti yang diperkatakan oleh Najib itu berlaku.

Yang Dipertua Kesatuan Pekerja SMET Mohamad Hassan Othman ketika ditemui oleh BERNAMA mendakwa penutupan kilang itu adalah disengajakan oleh pengurusan baru syarikat induk SMET iaitu SME Industries (SMEI).

SMET yang telah beroperasi 10 tahun itu katanya, merupakan syarikat yang beroperasi di atas dasar keuntungan hasil kontrak pembekalan raifal tempur Steyr bernilai RM350 juta kepada ATM.

Mohamad Hassan percaya punca utama penutupan kilang itu adalah kerana pengurusan baru SMEI mahu memberikan tumpuan terhadap sektor aeroangkasa negara dengan menggunakan sumber kewangan yang didapati menerusi keuntungan SMET.

SME Aerospace, SME Aviation dan SME Ordnance yang turut diletakkan di bawah SMEI, menurut beliau telah ditubuhkan kemudian hasil keuntungan yang dicapai oleh SMET.

"Kami tak setuju kerana mereka mahu menggunakan wang dari pertahanan (SMET) untuk bangunkan industri aeroangkasa. Kalau dana itu digunakan maka industri pertahanan akan menjadi korban dan kami adalah mangsa korban yang pertama," katanya.

Beliau mendakwa pihak pengurusan kilang juga telah dengan sengaja tidak membuat perancangan masa hadapan SMET dan ia dibuktikan dengan kegagalan mereka untuk menubuhkan bahagian penyelidikan dan pembangunan (R&D).

Tindakan SMET tidak menubuhkan bahagian penyelidikan dan pembangunan itu, katanya disengajakan untuk "mematikan" kilang itu sebaik sahaja kontrak raifalnya selesai bagi membolehkan pengurusan baru melaburkan keuntungannya di dalam industri aeroangkasa.

Mohamad Hassan berkata dengan dana sebanyak RM350 juta hasil jualan Steyr kepada ATM, kilang itu sepatutnya melabur untuk mempelbagaikan produk keluarannya termasuk senjata-senjata berkaliber yang lebih besar serta produk kejuruteraan.

"Kita tidak sepatutnya hanya bergantung dengan dunia luar sahaja," katanya sambil menambah jika negara kecil seperti Singapura boleh membangunkan industri pertahanannya, tiada alasan mengapa Malaysia tidak boleh.

Industri pertahanan republik itu juga bermula dengan pembuatan senjata-senjata yang berkaliber rendah tetapi dari situlah teknologi mereka berkembang sehingga berjaya menghasilkan kereta perisai dan lain-lain, katanya.

Mohamad Hassan berkata melalui penubuhan SMET juga kelompok pekerja-pekerja tempatan yang berkemahiran tinggi di dalam bidang persenjataan telah berjaya dilahirkan untuk membantu negara menceburi industri pertahanan..

"Tetapi, mengapa kini kita mahu musnahkan (kemahiran pekerja-pekerja ini) ," katanya dan menurutnya pekerja yang diberhentikan sukar mendapat pekerjaan lain kerana kemahiran mereka yang berlainan daripada keperluan sektor perkilangan dan industri.

SMET, katanya juga berkemampuan menghasilkan di antaranya tiub mortar bagi 81mm dan 60mm, pelancar roket berganda, alat protesis perubatan untuk Hospital Universiti Kebangsaan Malaysia dan Technical Machine Pistol (TMP).

Selain itu, kilang juga menghasilkan produk kejuruteraan seperti pesawat sokongan darat, mesin kepersisan bagi alat ganti komponen dan peralatan untuk kegunaan syarikat seperti Proton, Perodua dan General Electric.

Kini katanya terdapat ura-ura SMET yang dimiliki oleh badan pelaburan Kementerian Kewangan, Khazanah Nasional itu akan diswastakan.

Selain itu, kesatuan sekerja katanya juga nampak penutupan kilang ini merupakan strategi bagi merendahkan harga SMET di dalam perundingan di antara individu yang berminat mengambil alih kilang itu dengan kerajaan.

"Mereka (individu tertentu) mahu membeli SMET pada harga di luar harga pasaran," kata beliau dan menurutnya kesatuan pekerja kilang itu telah membuat keputusan untuk mengadakan piket pada 8 Mac ini.

"Kita tidak mempunyai jalan lain," kata seorang daripada pekerja SMET.

Setiausaha Kesatuan Pekerja SMET Azhari Yusof berkata mereka bercadang untuk berpiket sama ada di Kementerian Sumber Manusia, Kementerian Pertahanan atau di pusat pentadbiran negara, Putrajaya.

Mohamad Hassan berkata pelbagai surat telah dihantar kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan Menteri Kewangan Tun Daim Zainuddin.

--BERNAMA

MHI ES RHM